

# Jenis dan kesan serangan siber

## Diskusi ICT



Bersama **FIRKHAN**  
sembangict@yahoo.com

**A**PAKAH jenis dan kesan serangan siber yang biasa digunakan terhadap sesebuah organisasi?

- Abu, Sendayan.

Secara spesifiknya, terdapat banyak jenis serangan siber yang dilancarkan terhadap sesebuah organisasi. Namun begitu, motivasi utama yang mencetuskan serangan siber terhadap sesebuah organisasi terutama organisasi berasaskan komersial adalah disebabkan wang dan pencurian data. Jenis serangan siber ini mempunyai perbezaan dari segi kaedah serangan, bentuk serangan dan data yang terlibat.

Jadi, dibincangkan beberapa jenis serangan siber secara umum yang banyak digunakan untuk menyerang aset digital sesebuah organisasi.

### 1 Serangan DDoS

(*Distributed Denial of Service*) - Penggodam akan membuatkan sesebuah sistem itu menjadi terlebih muatan dengan permintaan sambungan rangkaian terlalu banyak sehinggakan sistem rangkaian dan komputer pelayan menjadi lumpuh. Dengan itu, aplikasi sistem atau sistem web juga akan menjadi lumpuh menyebabkan sesuatu urusan niaga tidak boleh beroperasi. Kelemahan ini juga membolehkan berlakunya pencerobohan siber terhadap sistem digital bagi sesebuah organisasi.

### 2 Serangan Phishing - Teknik

serangan ini sangat sukar untuk dibendung kerana titik serangannya adalah terhadap pengguna akhir bagi sesebuah organisasi. Penggodam akan menghantar beribu-ribu e-mel kepada kesemua pengguna akhir sesebuah organisasi. Penggodam berharap ada pengguna akhir yang membuka e-mel dan membuka fail sisipan atau mengklik sambungan yang disertakan bersama e-mel tersebut. Kesannya, penggodam berupaya mendapat akses masuk dan mendapat maklumat berkenaan sistem berkaitan seperti dapatan kata laluan, kelemahan sistem, kelemahan sistem tembok api dan sebagainya.

### 3 Serangan malware

- Teknik ini menggunakan aplikasi jahat yang dikenali sebagai *Malware* untuk membuat serangan. Terdapat banyak jenis *Malware* yang digunakan seperti *Ransomware*, virus, *Spyware* dan sebagainya. Pada hari ini, banyak digunakan *Ransomware* untuk membuat ugutan dan dapatkan wang tebusan daripada sesebuah organisasi. Dahulu, serangan jenis ini menyebabkan berlaku kerosakan pada sesebuah sistem tetapi kini serangan ini beroperasi secara senyap tanpa diketahui kerana matlamatnya adalah untuk pencurian data.

### 4 Serangan kejuruteraan sosial atau penipuan siber

- Teknik serangan ini tidak bersifat teknikal kerana serangannya dibuat dengan cara penipuan untuk dapat capai masuk ke dalam sesebuah sistem digital sesebuah organisasi. Banyak menggunakan teknik penyamaran seperti penyamaran e-mel, laman sesawang, menerusi telefon, pesanan ringkas dan lain-lain untuk dapat maklumat bagi membolehkan penggodam masuk ke dalam sistem sesebuah organisasi.

### 5 Serangan Brute Force

- Teknik serangan ini menggunakan perisian yang mempunyai algoritma canggih untuk menyerang sesebuah sistem komputer. Perisian tersebut akan mencari kelemahan yang terdapat dalam sistem komputer dan memanipulasi kelemahan tersebut untuk masuk secara tidak sah ke dalam sistem komputer tersebut seperti cubaan mendapatkan nombor pin, *log-in*, kata laluan dan sebagainya.